



# KOPI PAHIT

Tun Abdul Razak, di dalam ucapannya, bersedia akan menimbang hadiah biasiswa untuk penulis-penulis yang berbakat. *Al-hamdu lillāh!* Tetapi bagaimana halnya terhadap keluarga-keluarga wartawan dan sasterawan yang berjuang menegakkan kemerdekaan dalam menghadapi penjajah dahulu? – tanya sasterawan dan wartawan-wartawan tua.

\* \* \*

Puan Kambodah Marzuki Pengelola Perancang Keluarga Johor dikatakan menyatakan bahawa setengah-setengah suami hanya mahukan anak sahaja tanpa memikirkan kesihatan ibu yang sedang mengandung dan kemampuan untuk memelihara anak-anak – “Apakah ertinya kita mempunyai anak yang banyak sedang keadaan ekonomi rumah tangga tidak seimbang dan anak itu akan menjadi sampah masyarakat?” Demikian fikirannya. Bagaimana? *Materialist* – agama mencegah pemeluknya bertuhan kepada kebendaan.

\* \* \*

Khabarnya, suatu masa Menteri Pertahanan Singapura telah kehilangan sebuah kapal terbang “Panglima” iaitu yang hanya itulah sebuah hak kepunyaan Singapura. Kalau ini “boleh hilang” betapa halnya kalau sudah banyak kapal – tanya seorang rakan. Entahlah!

\* \* \*

Isteri Sukarno yang berasal dari Jepun, Ratna Dewi, banyak terlihat gambarnya yang genit itu tersiar di dalam akhbar-akhbar di antaranya berdansa-dansi yang berpelukan. Sukarno tentunya sudah Islamkannya tetapi betapa sekarang

– dunia morden<sup>1</sup> – tentu katanya tetapi buat orang Islam tentu kalau dah begitu isteri bebasnya entah apa hendak disebut. Lelakinya tentu disebut dayus ... isterinya ...? Entahlah

\* \* \*

Dahulu di Singapura persoalan kebudayaan kuning adalah menjadi suatu alat untuk “memfitnahkan sesuatu perkara asalkan ada kuningnya walau sedikit. Baharu-baharu ini, di dalam akhbar gambar terpampang wanita Rusia digambar di Katong Park. Di tengah-tengah padang dengan pakaian tutup atas tutup bawah iaitu pakaian yang serupa itu dahulu kalau gambarnya disiarkan dicap kuning tetapi dengan orang-orangnya sekali seperti itu mahu bilang apa?

\* \* \*

Cik Hamidah binti Haji Muhammad Nuruddin Naib Ketua UMNO Tanjung Malim, Perak telah menyeru ibu bapa kawasan Tanjung Malim membebaskan anak-anak gadis mengambil bahagian dalam gerakan pertubuhan sukarela dan kebajikan. Ustaz Syeikh Hamzah Mu’ti Pegawai Penerangan Agama Perak membidas dengan hebatnya sikap ibu bapa membiarkan anak-anak mudanya melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama Islam. Ini dua perkara yang berlawanan. Bagaimana mengatasinya?

\* \* \*

Tiap-tiap kapal haji yang berangkat ke Mekah diadakan seorang guru agama untuk memandu dan mengajar dan menunjukkan orang-orang haji yang belayar di kapal itu. Kerja haji kebanyakan yang dilakukan adalah amalannya – bukan teorinya. Banyak guru-guru agama yang dipilih jadi guru agama di kapal-kapal haji itu orang-orang yang tidak pernah melakukan haji. Jadi bagaimana? Tentunya cara ini cara memberi peluang – bukan cara untuk memimpin. Bagaimana kata Tuan Haji Ali Rawas? – Tanya

**Cemeti al-Farouk.**

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah *modern*.